



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENGARAH PUSAT KESIHATAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bilangan 02 Tahun 2020

NASIHAT PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENCEGAHAN JANGKITAN CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI UiTM SHAH ALAM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga UiTM Shah Alam mengenai nasihat penjagaan kesihatan dan pencegahan jangkitan 2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV) di Malaysia dan di UiTM Shah Alam khususnya. Perkara ini dirujuk dari sumber Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan pelaporan dari pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

PELAKSANAAN

2. Pihak Universiti telah membuat beberapa langkah proaktif pencegahan jangkitan memandangkan UiTM mempunyai pelajar-pelajar antarabangsa termasuk dari China. Berdasarkan senario semasa, Pusat Kesihatan UiTM menasihatkan semua warga UiTM (staf dan pelajar) yang bercadang mengunjungi Tanah Besar China agar menangguhkan perjalanan masing-masing ke negara tersebut.
3. Sebagai langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi potensi penularannya di Malaysia, pihak Pusat Kesihatan juga meminta setiap Jabatan/ Fakulti/ Bahagian/ Unit mengambil tindakan berhubung perkara-perkara berikut:
 - a. Hebaham maklumat berkaitan wabak coronavirus dan langkah pencegahan serta kawalan infeksi sewajarnya yang perlu diambil oleh setiap warga;

- b. Memastikan setiap warga UiTM (pelajar dan staf) yang baru pulang dari negara China samada atas urusan peribadi atau rasmi memaklumkan kepada Pusat Kesihatan melalui email pusatkesihatan@uitm.edu.my;
 - c. Butiran yang diperlukan adalah nama individu, nombor telefon, alamat tempat tinggal, nama kolej/institusi dan tarikh ketibaan di Malaysia;
 - d. Pusat Kesihatan menasihati semua warga pendidik, pentadbir dan pelajar warganegara dan bukan warganegara yang telah berada di Malaysia dan mempunyai sejarah tinggal atau melawat Tanah Besar China; untuk menjalani pemantauan harian (*home surveillance*) di tempat tinggal masing-masing selama 14 hari dari tarikh berlepas dari China.
4. Bagi warga UiTM yang perlu berada di Tanah Besar China atau baru pulang dari negara China ke Malaysia, anda perlu akur kepada arahan KKM dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan berikut:
 - a. Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer;
 - b. Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (face mask) serta *hand sanitizer* untuk digunakan apabila perlu semasa dalam tempoh lawatan;
 - c. Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala semasa dalam tempoh lawatan;
 - d. Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan semasa dalam tempoh lawatan; dan
 - e. Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan mentah / tidak dimasak dengan sempurna semasa dalam tempoh lawatan.
5. Segera dapatkan rawatan perubatan di hospital kerajaan berhampiran sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk atau kesukaran bernafas dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan tersebut. Sila maklumkan sejarah perjalanan anda kepada doktor yang merawat bagi memastikan pengesahan awal jangkitan 2019-nCoV.
6. Prosedur-prosedur yang disarankan ini amat penting untuk dilaksanakan bagi memastikan pencegahan penularan serta kawalan optima penyakit ini terutamanya di UiTM.
7. Semua warga boleh mendapatkan maklumat terkini dan saranan langkah pencegahan berkenaan Novel Coronavirus menerusi laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia di <http://www.moh.gov.my/> atau <https://kpkesihatan.com/category/press/>.

Perhatian semua warga UiTM berkenaan perkara ini amat diperlukan bagi memantapkan pelaksanaan aktiviti kesiapsiagaan di UiTM demi kesejahteraan semua warga.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling ini dikeluarkan pada 31 Januari 2020.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 31 Januari 2020.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah untuk semua warga Universiti Teknologi MARA (staf dan pelajar).

Sekian, terima kasih.



DR. ZAITON NASIR

Pengarah


Bil. Fail : 100-HEP (PK:6/7/2)
Tarikh : 31 Januari 2020

Apa itu Novel Coronavirus?

Coronavirus(CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesma hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV.

Novel Coronavirus

pula adalah merujuk kepada spesis baru yang belum pernah ditemui oleh manusia.



Pencegahan (Saranan WHO)

Kerap mencuci tangan



Menutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk

Elak sentuhan dengan individu yang mempunyai gejala

Masak daging dan telur dengan sempurna



Novel Coronavirus di China adalah tidak sama dengan influenza di Malaysia.

Namun pencegahan kedua-dua penyakit adalah hampir sama



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

UKK MOH

Sumber: WHO

LANGKAH-LANGKAH MELINDUNGI DIRI ANDA

dan orang lain daripada Novel Coronavirus (2019-nCoV)



1 Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*)

2 Semasa dalam tempoh lawatan ke tempat-tempat yang berlaku wabak ini (jika perjalanan tidak dapat dielakkan)



Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (mask) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*)



Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan



Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala



Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan yang mentah/tidak dimasak dengan sempurna



3 Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh **14 hari** selepas pulang dari lawatan tersebut. Begitu juga, maklumkan mengenai sejarah perjalanan berkenaan kepada doktor yang merawat



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Sumber : CPRC Kebangsaan

UKK@MOH